



## PELUANG KERJAYA BERSAMA MARA

Majlis Amanah Rakyat (MARA), sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), memerlukan warga kerja yang berilmu, berkeyakinan, berintegriti, mempunyai nilai-nilai murni, memiliki kemahiran interpersonal, kreatif dan inovatif serta komited. Mereka yang memiliki ciri-ciri tersebut dipelawa untuk menyertai perkhidmatan sebagai pendidik di Institusi-institusi Pendidikan MARA seluruh Malaysia.

### MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	: Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
Gred Jawatan	: DG41
Taraf Jawatan	: Kontrak
Gaji Minimum	: RM2,188.00
Gaji Maksimum	: RM9,552.00
Penempatan	: Institusi-institusi Pendidikan MARA di seluruh Malaysia

Pemohon yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta sebarang pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa.

### BIDANG / SUBJEK

- |                               |   |
|-------------------------------|---|
| i. Bahasa Inggeris            | xii. Pendidikan Islam (Tahfiz)                    |
| ii. Bahasa Melayu             | xiii. Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan |
| iii. Bimbingan dan Kaunseling | xiv. Pengurusan Perniagaan                        |
| iv. Biologi                   | xv. Perakaunan                                    |
| v. Fizik                      | xvi. Rangkaian Komputer                           |
| vi. Geografi                  | xvii. Reka Bentuk dan Teknologi                   |
| vii. Keusahawanan             | xviii. Sains Kejuruteraan                         |
| viii. Kimia                   | xix. Sains Komputer                               |
| ix. Matematik                 | xx. Sejarah                                       |
| x. Media                      | xxi. Seni Reka                                    |
| xi. Pendidikan Islam          |   |

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN:  
31 OGOS 2023**

## **SYARAT-SYARAT LANTIKAN**

1. Warganegara Malaysia;
2. Calon berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
4. Kelayakan lantikan ke Gred DG41 secara kontrak :
  - i. Ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,188.00); atau
  - ii. Ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,188.00); atau
  - iii. Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,391.94); atau
  - iv. Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,391.94); atau
  - v. Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,391.94); atau
  - vi. Ijazah sarjana dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,902.98); atau
  - vii. Ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM3,209.60).

5. Pemohon yang memiliki **Ijazah Sarjana Muda dari institusi pengajian tinggi luar negara** juga boleh memohon jawatan ini jika kelayakan akademik tersebut diiktiraf oleh kerajaan Malaysia. Semakan pengiktirafan kelayakan akademik boleh dibuat melalui laman web berikut :
  - <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> ; atau
  - <https://www2.mqa.gov.my/mqr/>
6. Pemohon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang-bidang berkaitan **tanpa Pendidikan atau Diploma Pendidikan / Diploma Pascasiswazah Pendidikan** juga boleh memohon. Walau bagaimanapun kelulusan pelantikan adalah tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat;
7. Pemohon yang memohon bidang / subjek **Pendidikan Islam (Tahfiz)**, perlu memiliki Sijil Tahfiz Malaysia atau Diploma Tahfiz dari Institusi Pendidikan Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;
8. Pemohon perlu memiliki tubuh yang sihat serta tiada rekod kesihatan mental;
9. Pemohon turut aktif dalam kegiatan kokurikulum;
10. Pemohon perlu memiliki pengetahuan isi kandungan mata pelajaran yang akan diajar dan mempunyai sahlah kejuruan yang tinggi (memenuhi syarat dan kelayakan khusus bidang pengajian yang dipohon);
11. Pemohon perlu mempunyai bakat istimewa seperti kebolehan bermain alat muzik, reka cipta (inovasi), kemahiran bahasa asing dan lain-lain; dan
12. Pemohon adalah bebas daripada tindakan disiplin atau disabitkan dengan kesalahan jenayah atau penyalahgunaan dadah.

## CARA MEMOHON

1. Pemohon hendaklah memohon jawatan berdasarkan kelayakan Ijazah Sarjana Muda yang dimiliki **tepat dengan bidang / subjek** yang diiklankan;
2. Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian melalui laman web MARA seperti berikut :

<b>Alamat Laman Web</b>	:	<b><a href="https://www.mara.gov.my">https://www.mara.gov.my</a></b>
<b>Tarikh Buka</b>	:	<b>16 Ogos 2023 (Rabu)</b>
<b>Tarikh Tutup</b>	:	<b>31 Ogos 2023 (Khamis)</b> <i>(Sebelum jam 11:59 malam)</i>

3. Permohonan yang dibuat **secara dalam talian** melalui pautan yang sah sahaja akan diterima. Permohonan lewat atau tidak mematuhi syarat yang dinyatakan akan ditolak; dan
4. Permohonan akan terbatal sekiranya pemohon didapati memberi maklumat yang salah / tidak benar / manipulasi maklumat dalam borang permohonan. Maklumat-maklumat tersebut akan disemak secara terperinci pada hari temu duga.

## KAEDAH PELAKSANAAN

1. Permohonan yang memenuhi dan menepati syarat telah ditetapkan sahaja akan diproses;
2. Permohonan yang diterima akan ditapis dan disaring berasaskan kriteria telah ditetapkan, mengikut kelayakan pengkhususan ijazah **menepati bidang / subjek yang dipohon**. Permohonan yang melepasi tapisan sahaja akan melalui proses penilaian dan pemilihan (MARA *Assessment Centre*);
3. Pemohon yang lulus proses penilaian dan pemilihan (MARA *Assessment Centre*) akan ditawarkan jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 secara kontrak. Mereka hendaklah setuju dan patuh pada syarat yang dinyatakan dalam surat tawaran berserta pindaan dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa untuk berkhidmat di Institusi-institusi Pendidikan MARA seluruh Malaysia;
4. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 yang tiada ikhtisas pendidikan diwajibkan mengikuti Program Diploma Pendidikan. Program ini akan dikendalikan oleh MARA bagi mendapatkan ikhtisas pendidikan;
5. Hanya Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 bertaraf kontrak yang telah menamatkan secara jayanya Program Diploma Pendidikan atau memperolehi ikhtisas pendidikan sahaja akan dipertimbangkan untuk pelantikan tetap sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41; dan
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh iklan ini dikeluarkan hendaklah menganggap permohonan adalah tidak berjaya. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh di-e-mel ke [urusetiauppsm.ppp@mara.gov.my](mailto:urusetiauppsm.ppp@mara.gov.my).

**PENGARAH  
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA MARA  
TINGKAT 18, IBU PEJABAT MARA  
21, JALAN MARA  
50609 KUALA LUMPUR**

**“Amanah Rakyat”**



## PELUANG KERJAYA BERSAMA MARA

Majlis Amanah Rakyat (MARA), sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), mempelawa warganegara Malaysia yang memiliki ciri modal insan berilmu, berkeyakinan, berintegriti, berinovatif, berdaya kreatif, berdedikasi dan berkeperibadian cemerlang untuk mengisi kekosongan jawatan secara **tetap dan kontrak** dalam pelbagai skim perkhidmatan di **MRSM Ranau, Sabah dan MRSM Bintulu, Sarawak**. Kekosongan jawatan adalah seperti berikut :

BIL	JAWATAN	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
1	PEMBANTU MAKMAL (GRED C19)	RM 1,357.00	RM 4,008.00
2	JURUTEKNIK KOMPUTER (GRED FT19)	RM 1,377.00	RM 4,052.00
3	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) (GRED N19)	RM 1,352.00	RM 4,003.00
4	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) (GRED W19)	RM 1,353.00	RM 4,005.00
5	PEMBANTU OPERASI (GRED N11)	RM 1,216.00	RM 2,983.00
6	PEMANDU KENDERAAN (GRED H11)	RM 1,218.00	RM 2,939.00

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN :  
31 OGOS 2023**

## **SYARAT - SYARAT LANTIKAN**

### **1. PEMBANTU MAKMAL GRED C19**

- 1.1 Warganegara Malaysia;
- 1.2 Calon berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 1.3 Calon memiliki salah satu daripada kelayakan dan kelulusan di bawah:-
  - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik atau salah satu daripada subjek sains pada peringkat peperiksaan tersebut.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred C19 : RM1,357.00); atau
  - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred C19 : RM1,413.40).
  - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred C19 : RM1,469.80).
- 1.4 Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1.3 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **2. JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT19**

- 2.1 Warganegara Malaysia;
- 2.2 Calon berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

2.3 Calon memiliki salah satu daripada kelayakan dan kelulusan di bawah:-

- i. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19 : RM1,377.00); atau
- ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19 : RM1,435.12); atau
- iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19 : RM1,493.24).

2.4 Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 2.3 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **3. PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) GRED N19**

3.1 Warganegara Malaysia;

3.2 Calon berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

3.3 Calon memiliki salah satu daripada kelayakan dan kelulusan di bawah:-

- i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,352.00); atau
- ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,408.40).

- iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,464.80)
- 3.4 Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1.3 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 3.5 Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - i. a. mempunyai kelayakan di perenggan 3.3; atau
  - b. lulus Peperiksaan Khas; dan
  - ii. Had umur pelantikan :
    - a. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - b. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - c. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.



#### **4. PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19**

- 4.1 Warganegara Malaysia;
- 4.2 Calon berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 4.3 Calon memiliki salah satu daripada kelayakan dan kelulusan di bawah:-
  - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,353.00); atau
  - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,409.40); atau
  - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,409.40); atau
  - iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya..  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,465.80); atau
  - v. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,465.80).
- 4.4 Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 4.3 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **5. PEMBANTU OPERASI GRED N11**

- 5.1 Warganegara Malaysia;
- 5.2 Calon berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 5.3 Calon memiliki salah satu daripada kelayakan dan kelulusan di bawah:-
  - i. Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : RM1,216.00); atau
  - ii. Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : RM1,262.15).
- 5.4 Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 5.3 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **6. PEMANDU KENDERAAN GRED H11**

- 6.1 Warganegara Malaysia;
- 6.2 Calon berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 6.3 Calon memiliki salah satu daripada kelayakan dan kelulusan di bawah:-
  - i. Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
  - ii. **L**esen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]; dan

- iii. Kebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu :

- Lesen D : RM1,264.15
- Lesen E/EI/E2 : RM1,310.30
- Lesen F/H : RM1,356.45
- Lesen G/I : RM1,402.60

- 6.4 Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 6.3 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. **Tugas utama adalah memandu bas yang memerlukan lesen PSV (*Public Service Vehicle*) Bas.**

## TARAF JAWATAN

Tetap / Kontrak

## CARA MEMOHON

- Pemohon hanya dibenarkan untuk memohon satu (1) jawatan sahaja.**
- Permohonan hanya boleh dbuat secara dalam talian melalui laman web MARA seperti berikut :

**Alamat Laman Web** : <https://www.mara.gov.my>  
**Tarikh buka permohonan** : **16 Ogos 2023 (Rabu)**  
**Tarikh tutup permohonan** : **31 Ogos 2023 (Khamis)**  
(Sebelum jam 11.59 malam)

- iii. Permohonan yang dibuat secara **dalam talian** melalui pautan yang sah sahaja akan diterima. Permohonan yang lewat diterima atau tidak mematuhi peraturan yang dinyatakan akan ditolak.
- iv. Permohonan akan terbatal sekiranya pemohon didapati memberi maklumat salah / tidak benar / manipulasi maklumat dalam borang permohonan. Maklumat-maklumat tersebut akan disemak secara terperinci pada hari temu duga.

## **SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pemohon yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## **KAEDAH PELAKSANAAN**

- i. Permohonan yang memenuhi dan menepati syarat skim perhidmatan yang ditetapkan sahaja akan diproses.
- ii. Semua permohonan yang diterima akan ditapis dan disaring berasaskan kepada kriteria-kriteria tertentu yang telah ditetapkan dan mengikut kelayakan yang dinyatakan.
- iii. Pemohon yang melepasi saringan sahaja yang akan dipanggil untuk menghadiri temu duga.
- iv. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan ini dikeluarkan hendaklah menganggap permohonan mereka sebagai tidak berjaya.

**PENGARAH  
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA MARA  
TINGKAT 18, IBU PEJABAT MARA  
21, JALAN MARA  
50609 KUALA LUMPUR**

**“Amanah Rakyat”**